

19 Mei, 2023

Empangan Mengkuang Diperbesarkan bukan empangan harian



Empangan Mengkuang Diperbesarkan jadi rizab kemarau strategik bekal air ke LRA Sungai Dua.

GEORGETOWN: Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) di Bukit Mertajam, bukan empangan harian seperti Empangan Air Itam atau Empangan Teluk Bahang.

Sebaliknya, ia adalah empangan rizab kemarau strategik yang menyokong Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), K Pathmanathan, berkata pihaknya tidak melepaskan air mentah dari EMD apabila ada air mencukupi untuk dikeluarkan dari Sungai Muda bagi menyokong 100 peratus pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua.

"Pada Mac lalu, PBAPP mengabstrak purata 1,254 juta liter sehari (JLH) air dari Sungai Muda untuk menghasilkan 1,028 JLH daripada LRA Sungai Dua dan PBAPP akan melepaskan air dari EMD hanya apabila ia tidak dapat mengabstrak 1,254 JLH air dari Sungai Muda.

"EMD berperanan sebagai sumber air mentah 'sandaran' kepada LRA Sungai Dua apabila paras Sungai Muda semakin rendah dan PBAPP turut melepaskan air dari EMD (untuk digunakan di LRA Sungai Dua) ketika kecemasan seperti insiden paras air Sungai Muda pada 14 Mei lalu," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, ada dua pengekangan fizikal utama untuk penggunaan EMD sebagai sumber air mentah sandaran iaitu kapasiti pelepasan maksimum empangan berkenaan ialah 300 JLH yang mana PBAPP kini mengabstrak purata 1,254 JLH air sehari dari Sungai Muda untuk menyokong 100 peratus pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua.

Pathmanathan berkata, EMD dengan sendirinya hanya boleh menyokong kira-kira 23.9 peratus daripada pengeluaran air terawat penuh di LRA Sungai Dua manakala air mentah dari EMD hanya boleh disalurkan ke LRA Sungai Dua.

Beliau berkata, air mentah itu tidak boleh dipam ke mana-mana LRA atau empangan lain di Pulau Pinang, justeru EMD tidak boleh berfungsi sebagai sumber air mentah sandaran untuk mana-mana LRA atau empangan lain.

"EMD dibina untuk menyokong pengeluaran air terawat secara eksklusif hanya untuk LRA Sungai Dua kerana ia mengeluarkan lebih 80 peratus air terawat yang dibekalkan oleh PBAPP di kawasan Seberang Perai dan daerah Barat Daya setiap hari.

"Kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua merangkumi kira-kira 453,954 premis kediaman dan perniagaan," katanya.

Menurut Pathmanathan, jumlah pengguna air di Pulau Pinang tahun lalu ialah 676,857 pengguna dan baki 222,903 pengguna lain ditampung oleh Empangan Air Itam, Empangan Bukit Pancur dan Empangan Teluk Bahang serta lapan LRA lain.

"Kesimpulannya, kapasiti efektif maksimum EMD ialah 86,400 JLH tetapi PBAPP hanya boleh melepaskan 300 JLH sehingga Kerajaan Persekutuan menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) untuk meningkatkan kapasiti pelepasan kepada 1,000 JLH," katanya.

Beliau berkata, MDEP dimulakan pada 2011 namun masih tidak lengkap sehingga tahun ini dan disebabkan permintaan air yang tinggi pada tahun ini, bekalan air untuk semua pengguna air di Pulau Pinang hanya boleh dikekalkan pada 100 peratus secara 24 jam seminggu, jika semua empat empangan termasuk EMD dan sembilan LRA berfungsi secara optimum.

Katanya, PBAPP sedang berusaha memastikan rizab Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang yang menyusut tidak kering sehingga hujan tiba pada September ini.

Bagaimanapun, pihaknya memerlukan sokongan semua pengguna bagi mengurangkan penggunaan air mereka dengan segera. Sebelum ini, Kerajaan Pulau Pinang meminta SPAN melakukan siasatan penuh bagi mengetahui punca sebenar penurunan paras air Sungai Muda secara mendadak.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, berkata siasatan itu perlu berikutan masalah itu menyebabkan 400,000 pengguna di Pulau Pinang menghadapi gangguan bekalan air.